

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HGG 453 - Pengurusan Sumber

Tarikh: 28 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari

(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan. DUA(2) soalan daripada setiap Bahagian A dan B. Setiap soalan membawa 25 markah.

**BAHAGIAN A - Jawab DUA(2) soalan**

1. Bincangkan empat pandangan utama dunia terhadap penilaian masalah sumber dan alam sekitar yang dibahaskan di bawah tajuk pengurusan sumber dan pemuliharaan.
2. Bincangkan perubahan pola gunatanah dan masalah pengurusan sumber tanah bagi sebuah negara membangun serta cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil bagi membaiki dan memulihara tanah.
3. Pembangunan dan pengurusan sumber air tanah yang cekap sangat penting bagi menjayakan pembangunan di sektor pertanian, perindustrian dan bekalan air kepada penduduk. Dengan mengambil contoh daripada negara membangun bincangkan pernyataan ini.
4. Bincangkan pembangunan dan pengurusan sumber petrolium bagi sebuah negara membangun yang anda mempunyai pengetahuan khusus.

**BAHAGIAN B - Jawab DUA(2) soalan**

5. Nyatakan bagaimana Taksiran Alam Sekitar boleh diserap sebagai satu komponen proses perancangan dan membuat keputusan di dalam pengurusan sumber.

6. Huraikan idea di sebalik Analisis Kos / Menafaat dan nilaiakan peranan kaedah ini di dalam proses pengagihan sumber yang terhad.
7. Dengan memilih suatu dasar sumber semulajadi di Malaysia bincangkan bagaimanakah akta-akta tersebut dapat menjamin sumbangsan sumber tersebut dalam pembangunan negara di masa akan datang.
8. Bincangkan kaedah-kaedah bagi menentukan lanskap ternilai (valued landscape) dalam konteks industri pelancongan di Malaysia.

-ooo000ooo